

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

1. Apakah status terkini projek pelebaran Jalan Tok Kangar yang kini sudah lama tertangguh dan penuh berlubang sehingga mengancam keselamatan pengguna jalan raya serta bilakah projek tersebut akan disiapkan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Kontraktor utama bagi projek pelebaran Jalan Tok Kangar kini dalam proses penamatan kontrak oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berikutan pelanggaran terma kontrak. PDC kini sedang dalam proses melantik Kontraktor Penyiap untuk menyelesaikan baki kerja pembinaan di tapak. Pada masa yang sama, kerja pembaikan jalan telah dilaksanakan oleh kontraktor penyelenggaraan setelah kontraktor utama memberi notis untuk penyerahan keluar dari tapak. Jangkaan tempoh untuk baki kerja-kerja pembinaan projek diselesaikan adalah selama 12 bulan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

2. Nyatakan butiran langkah-langkah dan perbelanjaan terbabit yang telah dan akan diambil kerajaan untuk membuang lumpur dan mendalamkan sepanjang pantai persekitaran kawasan kegiatan nelayan di Kuala Juru.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan tindakan jangka masa pendek yang melibatkan kerja-kerja pemuliharaan muara Sungai Juru dan kerja-kerja berkaitan dengan kos sebanyak RM398,600.00. Antara skop kerja yang dijalankan adalah seperti berikut:-
  - (i) mendalamkan muara sepanjang 4 kilometer;
  - (ii) kerja ukur; dan
  - (iii) pemangkasan pokok.

Seterusnya bagi jangka masa panjang pula, JPS Pulau Pinang telah mengemukakan permohonan pelaksanaan Projek Pemuliharaan Sungai Juru, Daerah Seberang Perai Tengah dengan anggaran kos sebanyak RM3,800,000.00 pada *Rolling Plan 5 (RP5) RMKe-12* namun projek ini tidak disenarai pendek. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui JPS akan memohon semula projek ini pada RMKe-13 tahun hadapan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

3. Nyatakan perancangan tempoh masa panjang kerajaan untuk menyediakan atau membina perumahan bagi warga nelayan di Kuala Juru.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Cadangan membina perumahan di kawasan Juru adalah dalam perancangan pembangunan perumahan oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP). Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah menetapkan **satu (1)** projek di atas **tanah milik Kerajaan Negeri** yang berada di kawasan **Juru** sebagai projek rintis Rumah Mampu Milik Pulau Pinang (RMMPg) di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), *Rolling Plan 5* (RP5) Tahun 2025 dan Pelan Induk Perancangan Pembangunan Rumah Mampu Milik 2021-2025 yang akan dilaksanakan oleh LPNPP.

Melalui pelaksanaan projek ini, dilihat sedikit sebanyak dapat membekalkan perumahan terutamanya Rumah Mampu Milik (RMM) bersubsidi untuk membantu warga nelayan khususnya di Kuala Juru. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini masih di peringkat kajian awalan memandangkan tapak yang telah dikenal pasti tersebut berada berdekatan dengan kawasan perindustrian.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui LPNPP dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTST) akan mengenal pasti tanah-tanah lain yang berpotensi untuk dijadikan cadangan bagi Pembangunan RMM di Pulau Pinang.

Manakala, bagi Pelaksanaan Program Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Negeri Pulau Pinang di bawah pentadbiran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Pulau Pinang, permohonan peruntukan sebanyak **RM26,400,000.00** telah dikemukakan ke pihak **Ibu Pejabat LKIM** pada **24 September 2024**. Jumlah peruntukan yang dimohon adalah bagi membina **300 unit kediaman** kepada **nelayan yang layak** berdasarkan **Garis Panduan Pelaksanaan Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) Bilangan 1 Tahun 2019**. Sehingga kini, pemilihan tapak lokasi cadangan pembangunan PSN ini adalah masih di peringkat rundingan bersama Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

4. Senaraikan jumlah, nama dan jenis muzium awam dan swasta di Pulau Pinang yang mempamerkan warisan budaya dan sejarah kaya negeri dan perancangan kerajaan untuk mengembangkan lagi pembinaan muzium-muzium di dalam negeri.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Terdapat empat (4) buah muzium di Negeri Pulau Pinang yang mempamerkan warisan budaya dan sejarah negeri iaitu dua (2) buah muzium awam dan dua (2) buah muzium swasta seperti berikut:

**(1) Muzium Awam**

- (i) Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang - Badan Berkanun Negeri Pulau Pinang; dan
- (ii) Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) - Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

**(2) Muzium Swasta**

- (i) Muzium Perang Pulau Pinang di Jalan Batu Maung, Batu Maung, Pulau Pinang; dan
- (ii) Pinang Peranakan Mansion di Church St, George Town, Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang sentiasa menyokong sebarang perancangan pengembangan dan pembinaan muzium dalam Negeri Pulau Pinang. Namun penubuhan muzium-muzium di Negeri Pulau Pinang perlulah selaras dengan Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020 (Bahagian VI - Pengelolaan Aktiviti Muzium di bawah Subseksyen 30(1)).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

5. Dengan masyarakat yang semakin menua, apakah perancangan kerajaan untuk mengembangkan perkhidmatan jagaan perubatan geriatrik untuk warga emas di Seberang Perai Tengah (SPT) khususnya di KADUN Bukit Tengah?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah melaksanakan perkhidmatan kesihatan untuk warga emas iaitu mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas melalui program *Expanded Scope*. Objektif utama program ini adalah bagi menggalakkan penuaan sihat dan memperkasakan warga emas.

Selain itu, antara usaha lain yang dilakukan oleh kerajaan adalah dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan warga emas di klinik-klinik kesihatan termasuk di Daerah Seberang Perai Tengah iaitu:

- (a) Promosi dan pendidikan kesihatan;
- (b) Saringan dan penilaian kesihatan;
- (c) Pemeriksaan perubatan, kaunseling, rawatan dan rujukan;
- (d) Lawatan dan perawatan di rumah;
- (e) Rawatan pemulihan (pemulihan anggota dan cara kerja); dan

(f) Aktiviti rekreasi, sosial dan kebajikan.

Di samping itu, Pakar Perubatan Geriatrik juga telah ditempatkan di Hospital Seberang Jaya bagi meningkatkan perkhidmatan perubatan untuk warga emas.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

6. Nyatakan bilangan rumah / pusat jagaan dan perlindungan warga emas di Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan anggaran purata kos yang dikenakan dari paling terendah ke tertinggi setiap warga emas untuk tinggal di rumah / pusat jagaan di atas tersebut.
- (b) Apakah jenis bantuan / subsidi kerajaan yang diberikan kepada warga emas untuk tinggal di tempat tersebut?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Bilangan Pusat Jagaan Warga Emas yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Pusat Jagaan</b>
1.	Barat Daya	0
2.	Timur Laut	15
3.	Seberang Perai Utara	11
4.	Seberang Perai Tengah	13
5.	Seberang Perai Selatan	1
	<b>Jumlah</b>	<b>40</b>

- (a) Berdasarkan kepada borang permohonan pendaftaran sebagai pusat jagaan, jumlah bayaran yang dikenakan kepada penghuni adalah seperti berikut;
- (i) Tiada yuran dikenakan untuk penghuni di pusat jagaan kendalian NGO;
  - (ii) Yuran bagi Pusat Jagaan swasta paling rendah ialah RM1,000.00; dan
  - (iii) Yuran pusat jagaan swasta paling tinggi ialah RM3,500.00
- (b) Bantuan Warga Emas akan diberikan kepada penghuni warga emas yang berkeelayakan dan memenuhi syarat serta berada di pusat jagaan berdaftar yang dikenakan bayaran.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

7. Nyatakan secara terperinci usaha dan kejayaan kerajaan untuk meluaskan asas cukai *tax base* bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

7. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah mengadakan Bengkel Semakan Kadar, Prosedur Kutipan Hasil dan Mengenalpasti Isu-Isu Melibatkan Tunggakan dan Pengurangan Hasil Negeri Pulau Pinang pada 2 hingga 4 Ogos 2024 (Jumaat, Sabtu & Ahad) di Hotel Bahang Bay, Teluk Bahang, Pulau Pinang. Yang mana, objektif bengkel adalah seperti berikut:
- (a) Meneliti punca kuasa berkaitan kadar hasil yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri;
  - (b) Membincangkan garis panduan/ *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi proses kutipan hasil Kerajaan Negeri; dan
  - (c) Meneliti dan mencadangkan penyelarasan kepada isu-isu yang melibatkan tunggakan dan pengurangan hasil negeri.

Hasil dapatan daripada bengkel ini ialah, pihak Jabatan Kewangan Negeri telah menerima cadangan-cadangan bagi peningkatan hasil negeri berkaitan *tax base* seperti berikut:

Bil.	Jabatan/Agensi	Cadangan Peningkatan Hasil
1.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang (PTGPP)	Melaksanakan kutipan tunggakan cukai petak sejumlah RM6 juta pada tahun 2025 (50% daripada tunggakan keseluruhan RM12 juta).
2.		Meningkatkan kutipan cukai petak yang baharu.
3.		Memansuhkan cukai levi bagi permohonan perolehan hartanah oleh warganegara asing / syarikat asing.
4.	Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP)	Samakan semula kadar duti hiburan dan penambahbaikan proses kerja kutipan duti hiburan.
5.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) : a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) b) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	Memperkenalkan cukai " <i>Heritage</i> " di dalam kawasan <i>Core dan Buffer Zone</i> Georgetown.

Dalam memastikan kutipan hasil kerajaan terus kukuh, usaha ke arah memantapkan tata kelola dan pentadbiran cukai, meningkatkan kesedaran pembayar cukai terhadap tanggungjawab membayar cukai akan terus dilaksanakan.

Hasil daripada cukai ini akan dimanfaatkan untuk perbelanjaan mengurus seperti pembayaran emolumen dan perbelanjaan pembangunan seperti menaik taraf dan membina bangunan baharu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

8. Apakah status terkini projek pembinaan persimpangan bertingkat *diverging diamond interchange* Juru IC, dengan kos dan jadual masa pelaksanaan projek tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) kini sedang dalam proses penyediaan pelan rekabentuk bagi penaiktarafan persimpangan Juru kepada persimpangan berlian mencapah (*diverging diamond interchange*). Anggaran kos keseluruhan bagi pelaksanaan projek tersebut adalah sebanyak RM30.0 juta dengan tempoh pelaksanaan selama dua (2) tahun setelah proses pengambilan balik tanah selesai dilaksanakan.

Namun begitu, ada kemungkinan skop projek akan dikaji semula ekoran cadangan penaiktarafan persimpangan tersebut sebagai sebahagian daripada Projek Penyuraian Lalu Lintas dari Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Sungai Dua yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

9. Nyatakan senarai projek dengan anggaran kos yang dimohon agensi/ jabatan dalam negeri untuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang belum diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

9. Berdasarkan permohonan projek baharu di bawah ***Rolling Plan Kelima (RP5) Tahun 2025, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)*** bagi Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah menerima permohonan daripada 19 jabatan/ agensi yang mengemukakan sebanyak **93 projek** dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM17,668,985,965.00. Peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM2,797,487,871.00 bagi kesemua projek baharu yang dimohon. Kesemua 93 cadangan projek tersebut telah dikemukakan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan dan juga telah dipanjangkan kepada Kementerian Ekonomi untuk penilaian lanjut.

Kendatipun begitu, berdasarkan surat daripada Kementerian Ekonomi yang bertarikh 18 Oktober 2024, **hanya enam (6) projek daripada 93 projek yang dipohon telah diluluskan, manakala satu (1) projek telah diluluskan di bawah *Rolling Plan Keempat (RP4), RMKe-12. Baki 86 projek*** baharu yang dimohon di bawah RP5, RMKe-12 yang masih belum mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## LAMPIRAN A

### SENARAI PROJEK KEUTAMAAN NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH RP5 TAHUN 2025, RMKe-12

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Pemohon	Anggaran Kos (RM)	Peruntukan Tahun 2025 (RM)	Kementerian	Jawatankuasa MMK
1	Pembinaan Jalan Bawah (Underpass) Untuk Menghubungkan Jalan Mount Erskine Ke Jalan Burma Di Persimpangan Jalan Mount Erskine/ Jalan Gottlieb/ Jalan Burma/ Jalan Bagan Jermal Seksyen A: Jalan Bawah (Underpass)	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	25,000,000	3,750,000	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
2	Projek Menaik Taraf Aliran Lalu Lintas Di Kawasan Komtar Dan Sebahagian Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu Dari Gat Lebu Cencil Ke Pengkalan Weld, Pulau Pinang	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	54,450,000	8,000,000	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
3	Projek Pemasangan Sistem Pengangkutan Pintar (Intelligent Transport System - ITS) Di Pulau Pinang	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	150,000,000	150,000,000	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
4	Menaik Taraf Persimpangan Jalan Kelawai/ Jalan Tanjong Tokong/ Jalan Bagan Jermal Dan Pembinaan Underpass Dari Jalan Kelawai Ke Jalan Tanjong Tokong	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	30,000,000	30,000,000	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
5	Cadangan Pembinaan Laluan Basikal Mesra Alam (Ecodeck) Di Sepanjang Persisiran Pantai Dari Hotel Flamingo, Tanjong Bunga Sehingga Shangri-La' Rasa Sayang Resort, Jalan Batu Ferringhi	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	44,000,000	44,000,000	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
6	Cadangan Pembinaan Sebuah Kompleks Pasar Awam Di Atas Lot 908, Mukim 9, Jalan Teluk Kumbang, Daerah Barat Daya	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	30,000,000	5,000,000	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
7	Projek Kerja-Kerja Infrastruktur Awam Di Atas Projek Tebus Guna Tanah Selatan Pulau Pinang (Penang South Reclamation) Pulau Silicon	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri	2,075,000,000	197,600,000	Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
8	Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1)	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri	8,659,410,000	1,732,180,000	Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
9	Cadangan Kerja-Kerja Naiktaraf Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	Majlis Bandaraya Seberang Perai	10,000,000	1,300,000	Kementerian Belia dan Sukan	Belia, Sukan & Kesihatan
10	Cadangan Membina Baharu Akademi Esports & Youth Cabin Pulau Pinang Di Tiga (3) Daerah Negeri Pulau Pinang	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	6,000,000	2,000,000	Kementerian Belia dan Sukan	Belia, Sukan & Kesihatan
11	Cadangan Kerja-Kerja Membina Baharu Kemudahan Sukan Di Kompleks Sukan Titi Mukim, Seberang Perai Utara	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	32,000,000	5,500,000	Kementerian Belia dan Sukan	Belia, Sukan & Kesihatan
12	Penggantian Lampu Jalan Jenis "High Pressure Sodium Vapour" (HPSV) Kepada Lampu Jalan Jenis "Light Emitting Diode" (LED) Untuk Seluruh Seberang Perai	Majlis Bandaraya Seberang Perai	45,500,000	10,000,000	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
13	Penambahan Sistem Pam Di Kawasan Perindustrian Perai Daerah Seberang Perai Tengah	Majlis Bandaraya Seberang Perai	5,980,000	900,000	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
14	Cadangan Pembinaan Rumah Pam Dan Menaiktaraf Sistem Peparitan Di Taman Wira, Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara	Majlis Bandaraya Seberang Perai	7,000,000	2,350,000	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
15	Cadangan Menaiktaraf Sistem Peparitan Fasa 4 Bagi Mengatasi Banjir Kilat Di Taman Chai Leng, Perai, Seberang Perai Tengah	Majlis Bandaraya Seberang Perai	4,000,000	3,000,000	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa
16	Kerja-Kerja Naiktaraf Landskap Taman Eko Flora Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Taman Rekreasi Awam, Taman Wawasan (Vision Park), Bertam, Seberang Perai Utara Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai	Majlis Bandaraya Seberang Perai	30,000,000	10,000,000	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa

## SENARAI PROJEK KEUTAMAAN NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH RP5 TAHUN 2025, RMKe-12

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Pemohon	Anggaran Kos (RM)	Peruntukan Tahun 2025 (RM)	Kementerian	Jawatankuasa MMK
17	Projek Pembinaan Outfall Dan Struktur Mencegah Hakisan Pantai Di Batu Feringghi Dan Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang <b>*diluluskan di bawah RMK (RP5)</b>	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	61,238,665	50,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
18	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Junjung Mati, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	200,000,000	200,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
19	Pemuliharaan Muara Sungai Juru, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	3,800,000	150,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
20	Projek Pemuliharaan Sungai Juru Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	36,737,465	286,802	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
21	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kilang Ubi, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	100,000,000	200,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
22	Projek Pemuliharaan Sungai Kelian, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	36,871,000	815,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
23	Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Perai Di Pulau Pinang Dan Kedah	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	510,000,000	200,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
24	Pelan Induk Salinan Mesra Alam Daerah Barat Daya, Negeri Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	3,270,000	550,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
25	Menaiktaraf Hidromekanikal Dan Elektrikal Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pintu Air TCG Sungai Tembus, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	500,000	500,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
26	Menaiktaraf Hidromekanikal Dan Elektrikal Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Rumah Pam Sungai Nipah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	500,000	500,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
27	Menaiktaraf Hidromekanikal Dan Elektrikal Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pintu Air Headwork TCG Sungai Kulim, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	3,000,000	1,000,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
28	Menaiktaraf Hidromekanikal Dan Elektrikal Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pintu Air Headwork TCG Sungai Pertama, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	500,000	500,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
29	Menaiktaraf Hidromekanikal Dan Elektrikal Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Rumah Pam Bagan Buaya, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	5,000,000	200,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
30	Projek Pembinaan Struktur Mencegah Hakisan Pantai Di Pengkalan Nelayan Paramount, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	2,650,788	192,720	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
31	Pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi Seberang Perai Utara	Bahagian Kawal Selia Air	80,000,000	1,000,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
32	Pembinaan Kolam Takungan Pinggiran Sungai (TAPS) Berdekatan Dengan Terusan Sungai Dua, Seberang Perai Utara atau Sepanjang Sungai Muda Sebelah Pulau Pinang	Bahagian Kawal Selia Air	10,000,000	1,400,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan

## SENARAI PROJEK KEUTAMAAN NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH RP5 TAHUN 2025, RMKe-12

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Pemohon	Anggaran Kos (RM)	Peruntukan Tahun 2025 (RM)	Kementerian	Jawatankuasa MMK
33	Kajian Awalan Terhadap Air Laut Sebagai Sumber Air Alternatif Jangkamasa Panjang Melalui Proses Rawatan Penyahgaraman (Desalination)	Bahagian Kawal Selia Air	3,000,000	1,400,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
34	Kajian Kebolehlaksanaan Sumber Air Bawah Tanah (Ground Water) di Pulau Pinang	Bahagian Kawal Selia Air	3,000,000	1,400,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
35	Kajian Kebolehlaksanaan "Coastal Reservoir" Menggunakan Sumber Air Mentah Sungai Muda Dan Sungai Kerian	Bahagian Kawal Selia Air	3,000,000	1,400,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
36	Kajian Rekabentuk Kejuruteraan Bagi cadangan Pembangunan Sumber Air Mentah Dari Lembangan Sungai Kerian, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Bahagian Kawal Selia Air	3,000,000	1,400,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
37	Kajian Pembangunan Sumber Air Melibatkan Pembesaran Empangan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Bahagian Kawal Selia Air	3,000,000	1,400,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
38	Kajian Rekabentuk Kejuruteraan Bagi Cadangan Sumber Air Mentah Dari Lembangan Sungai Perai, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	Bahagian Kawal Selia Air	3,000,000	1,400,000	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	Infrastruktur dan Pengangkutan
39	Pembangunan Kemudahan Sukan iaitu Gelanggang Serbaguna Terbuka Berbumbung di Kawasan DUN Padang Lalang	Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah	1,500,000	1,500,000	Kementerian Belia dan Sukan	Belia, Sukan & Kesihatan
40	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Fasiliti Ekopelancongan di Pulau Aman, Pulau Pinang	Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	1,328,500	1,328,500	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan dan Ekonomi Kreatif
41	STEM FUTURE-PROOFING: Program Berstruktur 2 Tahun Bagi Pelajar Akademik Sekolah Menengah Fokus Kepada Asas Bidang Kejuruteraan (Mekatronik) dan Komputer/Data Sains	Penang STEM	800,000	400,000	Kementerian Pendidikan	Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi
42	Market Acces & Resident Programme 2025	Digital Penang	1,500,000	750,000	Kementerian Digital	Infrastruktur dan Pengangkutan
43	Program Pembangunan Peniaga Mikro Kecil Sederhana (PMKS/MSMEs) yang mensasarkan 500 peniaga eUsahawan.	Digital Penang	3,750,000	1,875,000	Kementerian Digital	Infrastruktur dan Pengangkutan
44	Penang Big Data Analytics Platform	Digital Penang	1,950,000	975,000	Kementerian Digital	Infrastruktur dan Pengangkutan
45	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Tangki Bekalan Air Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang <b>*diluluskan di bawah RMK (RP5)</b>	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	5,000,000	50,000	Kementerian Kesihatan Malaysia	Belia, Sukan & Kesihatan
46	Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penggantian Chiller Di Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang <b>*diluluskan di bawah RMK (RP5)</b>	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	4,400,000	50,000	Kementerian Kesihatan Malaysia	Belia, Sukan & Kesihatan
47	Pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 2 Bayan Lepas Daerah Barat Daya, Pulau Pinang <b>*diluluskan di bawah RMK (RP4)</b>	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	75,000,000	11,500,000	Kementerian Kesihatan Malaysia	Belia, Sukan & Kesihatan
48	Naiktaraf Dewan Bedah 9 (Multidisciplinary Trauma OT-MDT) Di Blok B, Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	3,055,000	2,350,000	Kementerian Kesihatan Malaysia	Belia, Sukan & Kesihatan
49	Kerja-Kerja Penggantian Vinyl Sedia Ada Di Klinik-Klinik Dan Wad-Wad Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	4,000,000	1,500,000	Kementerian Kesihatan Malaysia	Belia, Sukan & Kesihatan
50	Kompleks Kesihatan Kubang Semang, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	100,000,000	6,112,000	Kementerian Kesihatan Malaysia	Belia, Sukan & Kesihatan
51	Pembinaan Blok Makmal Dan Forensik Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	65,000,000	7,000,000	Kementerian Kesihatan Malaysia	Belia, Sukan & Kesihatan

## SENARAI PROJEK KEUTAMAAN NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH RP5 TAHUN 2025, RMKe-12

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Pemohon	Anggaran Kos (RM)	Peruntukan Tahun 2025 (RM)	Kementerian	Jawatankuasa MMK
52	Pembinaan Blok Multistorey, Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	912,000,000	32,000,000	Kementerian Kesihatan Malaysia	Belia, Sukan & Kesihatan
53	Naiktaraf Kompleks Kesihatan Jalan Perak, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	200,000,000	40,000,000	Kementerian Kesihatan Malaysia	Belia, Sukan & Kesihatan
54	Naiktaraf Kompleks Kesihatan Bukit Panchor, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	138,650,000	11,900,000	Kementerian Kesihatan Malaysia	Belia, Sukan & Kesihatan
55	<b>Pembangunan Semula Dewan Sri Pinang (DSP) dan Galeri TYT Yang Di-Pertua Pulau Pinang, Lebuhraya Light, George Town, Pulau Pinang</b> <b>*diluluskan di bawah RMK (RP5)</b>	<b>Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang</b>	<b>52,000,000</b>	<b>1,000,000</b>	<b>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya</b>	<b>Pelancongan dan Ekonomi Kreatif</b>
56	Projek Pembangunan Hab Kreatif Digital (Creative Digital Hub) Di Lebuhraya Victoria, Seksyen 23, Bandaraya George Town	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang	20,000,000	3,000,000	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan dan Ekonomi Kreatif
57	Kerja- Kerja Membekal, Memasang Dan Mentauliah Sistem Lampu Limpah Baharu Di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan	Perbadanan Stadium & Kawasan Lapang Pulau Pinang	9,699,650	9,699,650	Kementerian Belia dan Sukan	Belia, Sukan & Kesihatan
58	Pembinaan Boling Padang (Lawn Bowls) di Kompleks Sukan Pokok Sena, Daerah Seberang Perai Utara	Perbadanan Stadium & Kawasan Lapang Pulau Pinang	6,295,997	6,295,997	Kementerian Belia dan Sukan	Belia, Sukan & Kesihatan
59	Projek Menaiktaraf Jalan Tunggal 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong di Laluan Persekutuan FT006 Dari Bayan Lepas Ke Teluk Kumbar, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	320,000,000	100,000	Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
60	Menaiktaraf Laluan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling (SEK 720) Ke Jambatan Di Atas Sungai Junjung (SEK 740) Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan (Menaiktaraf Jalan & Persimpangan Dari (CH6,750 - CH4800 Dan CH3650 - CH600)	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	259,000,000	29,410,000	Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
61	Cadangan Penambahbaikan Aliran Lalulintas di Kawasan Ayer Itam, Cadangan Tanjakan Berarah di Simpang Jalan Thean Teik, FT 221/ Jalan Air Itam, FT220 Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	162,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
62	Naiktaraf Laluan Persekutuan FT3111 dari Jejambat Bukit Tengah Ke Persimpangan Lebuhraya Butterworth Kulim, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	286,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
63	<b>Membina Jejambat di Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah (FT006) dan Jalan Sungai Dua, Batu Uban, Pulau Pinang</b> <b>*diluluskan di bawah RMK (RP5)</b>	<b>Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang</b>	<b>75,000,000</b>	<b>500,000</b>	<b>Kementerian Kerja Raya</b>	<b>Infrastruktur dan Pengangkutan</b>
64	Menaiktaraf Jalan Tunggal 2 Lorong Dan Membina Lorong Mendaki di Laluan Persekutuan 6 Dari Teluk Kumbar (SEK.29.5), Pulau Pinang. (Pakej 2C) - Samb. Pakej 2B	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	157,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
65	Cadangan Pelebaran Jalan Persimpangan Laluan Persekutuan FT 149 dari Persimpangan Jalan Kendi Sehingga Persimpangan Tol Bukit Tambun Selatan, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	275,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
66	Cadangan Pelebaran Jalan & Persimpangan Laluan Persekutuan FT 149 Dari Persimpangan FT 001 Sehingga Persimpangan Jalan Kendi, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang - Fasa 6C	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	235,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
67	Mengganti Jambatan Ampang Jajar FT 311 Jalan Permatang Pauh, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	85,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
68	Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT 280, Sek. 050 Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	3,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan

## LAMPIRAN A

### SENARAI PROJEK KEUTAMAAN NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH RP5 TAHUN 2025, RMKe-12

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Pemohon	Anggaran Kos (RM)	Peruntukan Tahun 2025 (RM)	Kementerian	Jawatankuasa MMK
69	Pembinaan Pedestrian Motorway Bridge di Kawasan Masjid Kampung Seronok, P10, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	11,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
70	Projek Membina dan Menaiktaraf Jalan Dari Laluan Persekutuan FT 001 di Jawi Ke Persimpangan Bertingkat Jambatan Kedua Pulau Pinang, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	356,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
71	Cadangan Melebarkan Jalan dan Membina Median di Jalan Persekutuan FT 3112, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	15,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
72	Projek Menaiktaraf Jalan Tunggal FT 001, 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong dari Permatang Tinggi (Sek. 740.4) ke Sungai Juru (Sek. 746.4), Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	533,000,000	284,050,000	Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
73	Menaiktaraf Jalan Tunggal FT 001, 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong Dari Persimpangan BORR (Sek.765) ke Permatang Pak Elong (Sek. 773), Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	332,000,000	85,030,000	Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
74	Projek Menaiktaraf Jalan dan Membina Jejambat di Jalan Persekutuan FT 006, Jalan Sultan Azlan Shah Bermula dari Seksyen 13.2 Sehingga Seksyen 15.8, Bayan Lepas, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	250,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
75	Pembinaan "UNDERPASS " Di Bulatan Jalan Tun Dr. Awang Seksyen..... Menuju Ke Lebuhraya Sungai Nibong Seksyen....	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	185,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
76	Projek Menaiktaraf jalan Ban Sungai Udang, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	40,000,000		Kementerian Kerja Raya	Infrastruktur dan Pengangkutan
77	Pengurusan Projek Mengatasi Masalah Tanah Jerlus Jelapang Padi Negeri Pulau Pinang	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (IADA)	13,386,250	7,762,750	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi
78	Menaik taraf infrastruktur saliran bagi kawasan padi yang terjejas dengan kawasan tanah jerlus	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	600,000	600,000	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi
79	Menaik taraf infrastruktur tambahan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM): Ara Kuda, Mayfield Agro Teknologi DOA-PERDA	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	327,500	327,500	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi
80	Membekal Input Integrated Pest Management (IPM) Bagi Projek Durian Ke Arah Pendaftaran Pensijilan Ladang Eksport (Sg.Bakap, Jawi, Berapit, Pulau Betong)	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	51,900	51,900	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi
81	Membekal,Menguji dan Mentauliah Perkakasan dan Peralatan Makmal Bagi Pengesanan Perosak dan Penyakit Tumbuhan di Negeri Pulau Pinang.	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	87,750	87,750	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi

## LAMPIRAN A

### SENARAI PROJEK KEUTAMAAN NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH RP5 TAHUN 2025, RMKe-12

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Pemohon	Anggaran Kos (RM)	Peruntukan Tahun 2025 (RM)	Kementerian	Jawatankuasa MMK
82	Projek Menjamin Kelestarian Pertanian untuk menjaga Alam Sekitar	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	30,500	30,500	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi
83	Penggantian Bumbung Bangunan Yang Bocor Termasuk Pendawaian Semula Dan Kerja-Kerja Berkaitan	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	400,000	400,000	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi
84	Penyelenggaraan Tapak Semaian Padi & Dan Pembersihan Kawasan	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	195,000	195,000	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi
85	Kerja-Kerja Menaik Taraf Dan Pembaikan Dewan Masyarakat Teluk Kumbar Serta Kerja-Kerja Berkaitan	Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya	1,410,000	1,410,000	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan Dan Luar Bandar
86	Membina Jambatan & Jalan Tuju Dari Jalan Penaga Bawah Ke Jalan Pasir Gebu, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara	11,185,000	11,185,000	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan Dan Luar Bandar
87	Pembinaan Bangunan Tambahan 6 Bilik Darjah dan Lain-lain Kemudahan di Sekolah Kebangsaan Permatang Damar Laut, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang (PBA3005)	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	20,300,000	300,000	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi
88	Pembinaan Bangunan Tambahan Dewan Serbaguna Terbuka Berbumbung di Sekolah Kebangsaan Juara, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (PBA0006)	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	2,500,000	300,000	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi
89	<b>Pembinaan Padang Permainan di Sekolah Kebangsaan Sungai Batu, Barat Daya, Pulau Pinang (PBA3019)</b> <b>*diluluskan di bawah RMK (RP5)</b>	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	1,400,000	300,000	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi
90	Pembinaan Bangunan Tambahan Dewan Serbaguna Terbuka Berbumbung di Sekolah Kebangsaan Bukit Teh, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (PBA0002)	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	2,500,000	300,000	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi
91	Pembinaan Bangunan Tambahan Dewan Serbaguna Terbuka Berbumbung di Sekolah Kebangsaan Permai Indah, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (PBA0028)	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	2,500,000	300,000	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi
92	Pembinaan Padang Permainan di Sekolah Kebangsaan Sungai Duri, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (PBA4008)	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	1,200,000	300,000	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi

## LAMPIRAN A

### SENARAI PROJEK KEUTAMAAN NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH RP5 TAHUN 2025, RMKe-12

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Pemohon	Anggaran Kos (RM)	Peruntukan Tahun 2025 (RM)	Kementerian	Jawatankuasa MMK
93	Pembinaan Padang Permainan di Sekolah Kebangsaan Sungai Rusa, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang (PBA3010)	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	575,000	300,000	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi
<b>Jumlah Keseluruhan (projek no.1 - no.86) (RM)</b>			<b>17,668,985,965</b>	<b>2,797,487,871</b>		

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

10. Nyatakan status atau hasil daripada permohonan Kerajaan Negeri untuk 20 peratus cukai yang dikutip daripada negeri kepada Kerajaan Pusat dikembalikan kepada Negeri Pulau Pinang.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

10. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah mendapatkan pandangan pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) berhubung cadangan permohonan dua puluh peratus (20%) hasil cukai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan. Berkaitannya, pihak MOF memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan semula agihan kutipan cukai kepada Kerajaan Negeri, termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pelbagai bentuk sokongan fiskal. Antaranya adalah melalui pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi di Pulau Pinang yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan telah mengambil kira keperluan negeri melalui pemberian kepada Kerajaan Negeri, antaranya melalui TAHAP, Pemberian Mengikut Ramai Penduduk, Pemberian Pertambahan Hasil, Pemberian Kos Perkhidmatan atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan, Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus, Pemberian Pelancongan, Peruntukan MARRIS dan peruntukan-peruntukan lain seperti Inisiatif Memulihara Tapak Warisan Dunia UNESCO dan *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity* (EFT).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

11. Nyatakan dengan butiran terperinci hasil laporan kajian kesesakan lalu lintas dari Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Sungai Dua dan kawasan sekitar yang telah dijalankan oleh pasukan khas yang ditubuhkan oleh pihak Kementerian Kerja Raya (KKR).

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Pembentangan laporan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama pasukan khas yang ditubuhkan telah dibuat bersama kementerian dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri serta rakan strategik pada 29 Ogos 2024. Hasil kajian merumuskan krisis di sepanjang Plaza Tol Juru ke Sungai Dua adalah seperti berikut:
- (a) Dapatan awal kajian di jajaran antara Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Sungai Dua menunjukkan 30% adalah *Through Traffic*, manakala 70% adalah *Local Traffic*; dan
  - (b) Terdapat enam (6) krisis utama telah dikenal pasti di laluan sedia ada (*local traffic*) antara Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Sungai Dua dan menunjukkan tahap LOS F pada waktu puncak iaitu:
    - (i) Persimpangan Sungai Dua;
    - (ii) Persimpangan Permatang Pauh;
    - (iii) Persimpangan Susur keluar masuk diantara Persimpangan Permatang Pauh (Jalan Tun Hussein

- Onn) ke Persimpangan Timur – Barat (Bulatan BKE);
- (iv) Persimpangan Bulatan Timur – Barat (BKE);
  - (v) Persimpangan Susur keluar / masuk jambatan; dan
  - (vi) Persimpangan Autocity.

Sesi libat urus dan pembentangan bersama pihak yang berkaitan telah diadakan seperti berikut:

- (i) Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam - Swasta pada 14 Oktober 2024;
- (ii) Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital Kerajaan Negeri pada 17 Oktober 2024;
- (iii) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 29 Oktober 2024; dan
- (iv) Ketua Setiausaha Negara pada 1 November 2024.

Satu cadangan penyelesaian isu kesesakan lalulintas telah dimuktamadkan secara kolektif iaitu cadangan penyuraian trafik di Lebuhraya Utara – Selatan dan kawasan sekitar di antara Juru dan Sungai Dua.

Cadangan jajaran bagi cadangan konsep penyuraian trafik berkenaan adalah meliputi skop seperti berikut:

- (a) Cadangan pembinaan laluan terus (*Mainline Express Lanes*, MEL) sepanjang 17.3km antara Juru dan Sungai Dua;
- (b) Cadangan pembinaan laluan sedia ada tempatan (*Collector Distributor Lanes*, CDL);
- (c) Jambatan Pulau Pinang (*Penang Bridge Interchange Ramps*);
- (d) Naiktaraf Persimpangan Juru Autocity (*U-Turn*);
- (e) *Dedicated Slip Road* dari Perai ke Juru;

- (f) Naiktaraf *East - West Interchange* di Bulatan Butterworth Kulim Expressway; dan
- (g) Membina *Elevated Slip Ramp* di Jalan Tun Hussein Onn arah Selatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

12. Sejak penyediaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Juru pada tahun 2021, nyatakan secara terperinci tindakan yang telah diambil dan hasil daripada penyelarasan pelaksanaan syor-syor pelan tersebut antara agensi-agensi Kerajaan Negeri.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Berdasarkan hasil kajian daripada Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Juru, terdapat beberapa pendekatan telah disyorkan dalam usaha mencapai objektif iaitu memastikan air yang mencukupi dan bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan kualiti persekitaran termasuklah rehabilitasi serta pengindahan sungai.

Pendekatan IRBM akan membantu menyediakan asas perancangan dan pembangunan lembangan sungai serta panduan pembangunan masa hadapan. Kejayaan pelaksanaan Pelan IRBM amat bergantung kepada pemahaman, kompetensi, keupayaan, kerjasama dan komitmen setiap pemegang taruh (stakeholder).

Sehingga kini, masih belum ada punca kuasa untuk melaksanakan Pelan IRBM. Penubuhan Jawatankuasa IRBM Sungai Juru ini hanya akan boleh diwujudkan oleh Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) sekiranya Rang Undang-undang Enakmen Sumber Air Pulau Pinang diluluskan dan jawatankuasa tersebut boleh bertindak sebagai pemantau kepada pelan-pelan tindakan yang akan dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan telah mengambil tindakan yang selari dengan IRBM Sungai Juru yang seperti berikut:

(a) Tindakan Jangka Pendek:

<b>BIL.</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>CATATAN</b>
1	Kerja penyelenggaraan berkala	Setiap tahun
2	Operasi Pasukan Petugas Khas Kawalan Hakisan dan Kelodak Negeri Pulau Pinang (OPS Lumpur)	Pemantauan berkala
3	Kerja-kerja kecemasan luar jangka mengorek muara Sungai Juru pada tahun 2021	Siap dilaksanakan
4	Pemasangan dan penyelenggaraan <i>log-boom</i> di Sungai Rambai	Siap dilaksanakan
5	Kerja-kerja pemuliharaan muara Sungai Juru dan kerja-kerja berkaitan pada tahun 2024	Siap dilaksanakan

(b) Tindakan Jangka Panjang:

<b>BIL.</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>CATATAN</b>
1	Projek pemuliharaan Sungai Juru	Permohonan peruntukan
2	Projek tebatan banjir membina Kolam Takungan Banjir di Alma	Siap dilaksanakan
3	Projek tebatan banjir Parit 4 di Bukit Tengah dan Taman Desa Damai	Siap dilaksanakan
4	Projek tebatan banjir Parit 5 di Taman Mangga dan Jalan Juru	Siap dilaksanakan
5	Projek tebatan banjir Sungai Permatang Rawa di CH 3000 sehingga CH 4300	Dalam pelaksanaan
6	Program Denai Sungai Kebangsaan Sungai Rambai (Fasa 1)	Dalam pelaksanaan
7	Penanaman Satu Juta Pokok Dalam Sehari di Pulau Pinang	700 batang pokok di Sungai Juru

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

13. Nyatakan secara terperinci, hasil kajian reka bentuk Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS) bagi projek tebatan banjir Kampung Dock dan tindakan susulan yang akan diambil untuk melaksanakan projek tebatan banjir tersebut.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) sedang melaksanakan kajian reka bentuk terperinci bagi menaiktaraf sistem saliran di kawasan Kampung Dock dengan menggunakan peruntukan Caruman Saliran Negeri Pulau Pinang.

Objektif kajian ini adalah menyediakan opsyen-opsyen reka bentuk pada tahap perlindungan banjir sehingga 100 ARI (*Average Recurrence Interval*) untuk kawasan tadahan Kampung Dock dan kawasan sekitarnya. Kajian ini dilaksanakan bermula pada bulan Mac 2024 dan kini sedang dalam peringkat penyediaan laporan interim.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

14. Nyatakan butiran dan status permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk insentif dan geran bagi meningkatkan ekosistem reka bentuk litar bersepadu dan digital (Penang IC Design and Digital Park).

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

14. Invest Penang telah mengemukakan permohonan rasmi insentif dan geran bagi meningkatkan ekosistem reka bentuk litar bersepadu dan digital (*Penang IC Design and Digital Park*) kepada Kerajaan Persekutuan untuk dipertimbangkan dalam Belanjawan 2025 dan kini masih menunggu kelulusan daripada pihak Kerajaan Persekutuan.

Permohonan kepada Kerajaan Persekutuan bagi insentif dan geran ini adalah sebanyak **RM60.0 juta** di bawah *National Semiconductor Strategy* (NSS) untuk menyamai komitmen RM60.0 juta yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Permohonan ini dicadangkan untuk merangkumi dua (2) vertikal utama inisiatif ini iaitu:

**(a) Akademi Reka Bentuk Cip Pulau Pinang**

- (i) Program yang direka untuk meningkatkan kemahiran graduan dan jurutera E&E melalui kursus akademik dan latihan praktikal; dan

**(b) Penyelidikan dan Inkubasi Silikon**

- (ii) Pusat sehenti yang menyokong syarikat reka bentuk cip dengan menyediakan perkongsian ruang, kemudahan,

perundingan dan keupayaan penyelidikan dalam membantu syarikat permulaan membangunkan idea dan membuat persediaan untuk Pengenalan Produk Baharu (New Product Innovation) dalam kawasan 5km+.

Pada 28 September 2024, YAB Ketua Menteri mengumumkan penubuhan struktur tadbir urus yang dikenali sebagai Majlis Eksekutif untuk mengawasi inisiatif *Penang Silicon Design @5km+*. Majlis ini dihadiri oleh YAB Ketua Menteri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Invest Penang dan PDC serta disokong oleh Panel Penasihat yang terdiri daripada wakil-wakil daripada agensi negeri, pihak industri dan akademia.

Invest Penang juga telah menjemput YAB Perdana Menteri untuk merasmikan inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* dan menyaksikan majlis menandatangani MOU bersama para pemegang taruh. YAB Perdana Menteri telah bersetuju untuk merasmikan pelancaran ini yang dijadualkan pada 7 Disember 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

15. Nyatakan berapa kes pendakwaan / saman / denda yang telah dikeluarkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 berkaitan kesalahan pelupusan haram buangan dan pencemaran Sungai Juru dari Januari 2023 sehingga kini.
- (a) Apakah sasaran yang ingin dicapai kerajaan untuk meningkatkan mutu kualiti air Sungai Juru?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Sebanyak 6 premis telah dikenakan tindakan kompaun pada tahun 2023 atas kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Pada tahun 2024 pula, tiada kompaun dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Manakala, sepanjang tahun 2023 dan 2024, tiada kes mahkamah dicatatkan oleh JAS.
- (a) Kualiti air sungai Pulau Pinang terus dipantau oleh JAS Pulau Pinang melalui pengawasan manual. Lembangan Sg. Juru mempunyai tiga belas stesen pengawasan manual yang menunjukkan analisis keseluruhan kualiti sungai berada pada kelas III. Walau bagaimanapun, berlaku penurunan kadar kualiti Sungai Rambai dan hal ini perlu diambil kira untuk memastikan kualiti air Sungai Juru tidak jatuh ke kelas IV. Sehubungan itu, setiap agensi mesti melaksanakan tugasnya untuk memantau kualiti air sungai.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang telah bersetuju mengguna pakai Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Juru dalam perancangan Pembangunan di Lembangan Sungai Juru. Antara objektif IRBM ini adalah memastikan air yang mencukupi, memastikan air bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan pemuliharaan alam sekitar. Sasaran yang ingin di capai oleh Kerajaan Negeri adalah selaras dengan objektif bagi memastikan air yang bersih bagi kualiti air Sungai Juru adalah dalam kategori Kelas II.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

16. Apakah status terkini perundingan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat mengenai penerimaan pakai Akta 672, khususnya permintaan atau jaminan yang dikehendaki Kerajaan Negeri dipersetujui oleh Kerajaan Pusat atas kawalan dan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Status terkini rundingan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat berkenaan pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) adalah seperti berikut:
- (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan satu kertas Memorandum Jemaah Menteri yang dijangka akan diangkat untuk persetujuan dan kelulusan Jemaah Menteri pada bulan Disember 2024;
  - (b) Selain itu, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) juga telah mengadakan satu lawatan teknikal pada 21 sehingga 24 Oktober 2024 bagi mengesahkan data dan maklumat yang telah diserahkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkaitan pengoperasian pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Lawatan teknikal tersebut telah memfokuskan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Skop kerja-kerja pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal di lapangan;
  - (ii) Kawasan-kawasan yang tidak diselenggara oleh MBPP dan MBSP;
  - (iii) Aktiviti-aktiviti tahunan yang dijalankan seperti perayaan, pengurusan acara, perniagaan buah bermusim dan lain-lain; dan
  - (iv) Skop kerja tambahan yang dicadangkan oleh MBPP dan MBSP untuk diserahkan kepada JPSPN dan SWCorp jika Akta 672 diterima pakai.
- (c) Perunding bagi menjalankan kajian *Due Diligence* di Pulau Pinang dijangka akan dilantik pada Januari 2025 oleh JPSPN bagi memperhalusi data yang telah dikemukakan pada peringkat awal *Due Diligence*; dan
- (d) Laporan Kajian *Due Diligence* tersebut dijangka akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Disember 2025.

Pertimbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) jika Akta 672 diterima pakai adalah:

- (i) Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai kata putus untuk menentukan syarikat konsesi yang akan melaksanakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam termasuk pengurusan semua fasiliti di Negeri Pulau Pinang. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh mencadangkan mana-mana syarikat termasuk anak syarikat Kerajaan Negeri sebagai syarikat konsesi di Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Syarikat konsesi tersebut dijamin untuk membangunkan dan mengoperasikan sebuah Loji *Waste to Energy* (WTE) yang akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan;
- (iii) Skop dan kekerapan perkhidmatan yang akan dimasukkan ke dalam perjanjian konsesi hendaklah setara atau lebih baik

daripada pelaksanaan sedia ada bagi mengekalkan tahap pembersihan yang terbaik di Negeri Pulau Pinang;

- (iv) Sebarang penambahan atau perubahan penetapan skop dan kekerapan perkhidmatan perlu mendapatkan persetujuan Kerajaan Negeri terlebih dahulu kerana implikasi tindakan ini akan mempengaruhi caruman PBT;
- (v) Waran Perjawatan Tetap di PBT bagi kakitangan yang terlibat dengan penswastaan dikekalkan tanpa dijumlahkan bagi mengisi jawatan di jabatan-jabatan yang memerlukan. Kakitangan PBT yang berstatus kontrak yang dipindahkan ke syarikat konsesi hendaklah diberikan jaminan jawatan tetap di syarikat konsesi;
- (vi) Pemberian sumbangan kepada Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dikecualikan bagi Seberang Perai;
- (vii) PBT diberikan insentif bagi meneruskan kempen kesedaran dan pendidikan yang berkaitan dengan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam selaras dengan Dasar Persekutuan; dan
- (viii) Pemindahan Kelulusan Pengoperasian bagi kemudahan-kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal terutamanya di pusat-pusat kitar semula komuniti hendaklah tidak melibatkan sebarang caj tambahan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

17. Nyatakan bagaimana industri semikonduktor Pulau Pinang akan bermanfaat dari Belanjawan Persekutuan 2025, seperti tetapi tidak terhad kepada, pengumuman dana RM1 bilion untuk industri semikonduktor, penubuhan kluster-kluster ekonomi baru, dan kerangka insentif pelaburan baharu.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

17. Belanjawan 2025 telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk memperkukuh dan memajukan industri semikonduktor selaras dengan matlamat untuk memperkukuh sektor ini di peringkat negara. Beberapa inisiatif yang diumumkan adalah termasuk peruntukan dana sebanyak RM1 bilion dan pelaksanaan kerangka insentif pelaburan baharu yang dijangka akan memberikan impak positif yang signifikan terhadap perkembangan industri semikonduktor di negeri ini. Antaranya adalah seperti berikut:-

**(a) Insentif baharu untuk menarik pelaburan yang berkualiti**

Pulau Pinang merupakan destinasi utama bagi pelaburan dalam sektor pembuatan E&E (Elektronik dan Elektrik) serta semikonduktor. Dengan pengumuman *New Investment Incentive Framework*, Pulau Pinang dijangka akan terus menarik pelaburan berkualiti yang akan meningkatkan tahap nilai tambah dalam sektor ini. Insentif ini disasarkan kepada aktiviti-aktiviti yang lebih bernilai tinggi, penciptaan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, pengukuhan rantai bekalan tempatan serta pelaksanaan prinsip-prinsip ESG (Environmental, Social, and Governance). Kesemua insentif ini

memberikan asas yang kukuh untuk menyokong pertumbuhan industri semikonduktor di Pulau Pinang. Selain itu, peruntukan RM1 bilion kepada Khazanah Nasional turut memberi sokongan penting kepada industri semikonduktor tempatan dan dijangka akan memberi manfaat besar kepada sektor elektronik dan semikonduktor di Pulau Pinang.

**(b) Pengukuhan daya tahan rantaian bekalan**

Salah satu fokus utama Belanjawan 2025 adalah pelaksanaan Inisiatif Daya Tahan Rantaian Bekalan yang bertujuan memperkukuh kedudukan Pulau Pinang dalam rantaian bekalan global, terutamanya dalam sektor Elektronik dan Elektronik (E&E) dan semikonduktor. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing Pulau Pinang dalam industri semikonduktor menjadikan negeri ini sebagai hab semikonduktor yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan serta mampu memenuhi permintaan global dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar.

**(c) Pembangunan ekosistem yang relevan dan menyeluruh**

Selain daripada insentif pelaburan baharu, pembangunan ekosistem yang menyeluruh turut menjadi agenda utama dalam Belanjawan 2025. Ini merangkumi pengukuhan rantaian bekalan tempatan, penyediaan infrastruktur yang mencukupi serta penggalakan kerjasama antara syarikat-syarikat dalam sektor semikonduktor. Pelaksanaan *matching grants* untuk pembekal tempatan dijangka akan memberikan sokongan dalam sektor *E&E*, bahan kimia khusus, dan peranti perubatan di Pulau Pinang. Ini juga selaras dengan penubuhan *Penang Integrated Circuit (IC) Design and Digital Park* di Bayan Lepas yang menyediakan kemudahan lengkap seperti ruang pejabat, makmal penyelidikan, dan *GBS Techspace* untuk menyokong aktiviti *Research and Development (R&D)* dalam persekitaran yang kondusif.

**(d) Pembangunan kumpulan bakat yang relevan**

Pembangunan bakat menjadi salah satu aspek penting dalam Belanjawan 2025 dengan penekanan kepada peruntukan dana untuk institusi pendidikan dan latihan seperti Universiti

Teknologi MARA, Universiti Sains Malaysia dan program TVET (Latihan Kemahiran dan Pendidikan Teknikal). Usaha ini diharapkan dapat menghasilkan lebih ramai kumpulan profesional yang mahir dalam bidang STEM (Science, Technology, Engineering, and Mathematics) serta kemahiran teknikal dan kejuruteraan yang diperlukan dalam industri semikonduktor. Kerjasama dengan Akademi Reka bentuk Cip Pulau Pinang di bawah Penang Skills Development Centre (PSDC) juga berperanan dalam memastikan tenaga kerja tempatan dilatih dalam reka bentuk *Integrated Circuit* (IC), sekali gus memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan teknologi dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

18. Nyatakan dengan terperinci, langkah-langkah yang telah dan akan diambil Kerajaan Negeri untuk melaksanakan syor-syor laporan United Nations Children's Fund (UNICEF) bertajuk *Families on the Edge in Penang: Impacts of rising costs and persistent poverty*.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri amat menitikberatkan pembangunan keluarga di Pulau Pinang dan sedar akan peningkatan kos sara hidup yang ketara saban tahun. Justeru, Kerajaan Negeri telah menggerakkan agensi-agensi yang berkaitan seperti Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan lain-lain agensi untuk melaksanakan syor-syor seperti yang digariskan di dalam laporan *Families on the Edge in Penang: Impacts of Rising Costs and Persistent Poverty* oleh United Nations Children's Fund (UNICEF).

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah pelaksanaan latihan dan pembangunan untuk meningkatkan kebolehpasaran dengan memfokuskan kepada golongan wanita dan belia melalui *Penang Women Entrepreneur Mentoring Programme (PenMentor)*. PenMentor adalah sebuah platform khas untuk membantu usahawan baharu wanita dan usahawan yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan mereka. Program ini menyediakan mentor-mentor yang berpengalaman untuk memberi bimbingan kepada peserta berkaitan strategi perniagaan yang lebih efektif dan efisien. Ia juga merupakan satu peluang bagi para peserta

membina rangkaian perniagaan serta sokongan dengan usahawan-usahawan wanita dari pelbagai sektor. Seramai 300 orang usahawan wanita telah mendapat manfaat daripada program ini dari tahun 2020 hingga tahun 2023 dengan purata peningkatan pendapatan sebanyak 30% selepas menyertai program ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Program Wanita Jana Rezeki (WJR) pada tahun 2020 yang memberikan tumpuan kepada golongan wanita berpendapatan rendah (B40) yang menghasilkan produk makanan dari rumah. Program ini melibatkan nasihat kewangan dan pemasaran, pemeriksaan premis serta penyediaan platform pemasaran untuk pengusaha terpilih. Pengusaha yang layak akan menerima insentif berjumlah RM1,000.00 setiap orang untuk membeli perkakasan yang dapat meningkatkan penghasilan produk. Dari tahun 2020 hingga 2023, seramai 48 orang pengusaha telah menerima dana tersebut dengan 90% daripada mereka masih meneruskan perniagaan sehingga hari ini.

Program WJR ini turut akan mendapat nafas baharu di mana 180 Ahli Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) akan melalui latihan berkenaan pelaksanaan program jana pendapatan untuk wanita akar umbi dalam komuniti mereka. Program ini dijangka akan memberi pendedahan kepada pemimpin JPWK mengenai kemahiran dan strategi mengurus serta melaksanakan tugas dengan lebih baik dan memberi manfaat kepada komuniti. Hasil yang dijangkakan dari inisiatif ini adalah kepemimpinan JPWK yang mampu memperkasakan komuniti dalam prospek ekonomi, jaringan dan kerjasama komuniti dan juga sistem sokongan untuk wanita.

Kerajaan Negeri juga sedia maklum bahawa antara faktor yang mempengaruhi wanita (khususnya golongan ibu) kembali menjadi penyumbang tenaga dalam sektor buruh adalah ketersediaan perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak yang berkualiti. Justeru, Kerajaan Negeri turut melaksanakan inisiatif-inisiatif peningkatan aksesibiliti dan kebolehmampuan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang disesuaikan untuk keluarga berpendapatan rendah.

Antaranya adalah program *Mothers Stay in the Workforce* yang bertujuan untuk memastikan golongan ibu bapa mempunyai akses kepada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti terutamanya bagi kanak-kanak berumur empat (4) tahun ke bawah.

Empat (4) aspek diberikan penekanan dalam penyediaan perkhidmatan ini iaitu Ketersediaan (Availability), Mampu Bayar (Affordability), Keselamatan (Safety) dan Kurikulum (Curriculum). Sesi libat urus dengan pelbagai pemegang taruh telah dijalankan dan PWDC kini dalam proses perancangan pelan tindakan yang proaktif bagi memastikan kejayaan program ini.

Program ini dijangka akan memberi impak yang positif dalam jangka masa pendek dan panjang. Peningkatan akses kepada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti akan memberi kemudahan kepada kaum ibu untuk kembali ke alam pekerjaan selepas cuti bersalin.

Selain itu, bagi memastikan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah selari dengan keperluan dan kehendak rakyat Pulau Pinang, sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (Focus Group Discussion – FGD) turut dilaksanakan dari semasa ke semasa. Selaras dengan Dasar Dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang 2013 yang menggariskan berkenaan kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak, peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja serta keseimbangan antara kerja dan kehidupan keluarga, seramai 50 orang pemegang taruh dari setiap daerah di Pulau Pinang akan dipilih untuk menyumbang input dalam mencapai objektif projek ini. Antara hasil daripada FGD ini adalah cadangan dasar yang akan dipertimbangkan termasuk kajian peningkatan subsidi penjagaan kanak-kanak untuk keluarga berpendapatan rendah, pembinaan lebih banyak pusat penjagaan kanak-kanak melalui kerjasama sektor awam-swasta, peningkatan kredibiliti dan pengawalseliaan pusat penjagaan kanak-kanak serta penyebaran maklumat dan bantuan yang mudah diakses oleh masyarakat.

Dari aspek sokongan kewangan pula, Kerajaan Negeri menerusi program i-Sejahtera telah menyalurkan sejumlah RM54,808,900.00 kepada 284,095 penerima melalui (6) enam program bantuan dari Januari hingga Oktober 2024 seperti berikut:

<b>PROGRAM BANTUAN</b>	<b>JUMLAH PENYALURAN (RM)</b>	<b>JUMLAH PENERIMA</b>
<b>Penghargaan Warga Emas</b>	41,048,400.00	205,242
<b>Suri Emas</b>	4,509,500.00	45,095
<b>Khairat Kematian</b>	4,467,000.00	4,467
<b>Bantuan Orang Kurang Upaya</b>	2,883,200.00	14,416
<b>Bantuan Ibu Tunggal</b>	1,074,700.00	10,747
<b>Anak Emas</b>	825,600.00	4,128
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>54,808,400.00</b>	<b>284,095</b>

Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan dan menambah baik inisiatif-inisiatif berkaitan untuk rakyat Pulau Pinang dalam memastikan pembangunan keluarga adalah seimbang dengan pembangunan ekonomi bagi mencapai visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang turut memainkan peranan penting dalam mengurangkan kadar kemiskinan melalui pemberian bantuan bulanan kepada golongan yang layak. Pendapatan Per Kapita (PPK) yang sebelum ini ditetapkan pada kadar RM260.00 akan dinaikkan kepada RM322.00 bermula 1 Januari 2025. Langkah ini dijangka dapat memberi manfaat yang lebih besar kepada keluarga yang memerlukan, terutama dalam menangani cabaran kos sara hidup di bawah skim ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

19. Nyatakan sasaran yang ditetapkan dan bagaimana kerajaan membantu syarikat-syarikat tempatan sektor semikonduktor dalam meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pelaburan teknologi baru untuk menaik atas rantai nilai kepada sektor bernilai tinggi.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

19. Fokus dan hala tuju dalam menarik pelaburan baharu ke negeri ini adalah tertumpu pada projek-projek strategik yang membawa nilai tambah sama ada dalam peningkatan teknologi, pembangunan kemahiran tenaga kerja tempatan, atau perkembangan ekosistem. Nilai tawaran (*'value proposition'*) industri Pulau Pinang cenderung terhadap projek-projek intensif ilmu (*'knowledge intensive'*), penyelidikan dan pembangunan (R&D), *'Integrated Circuit (IC) design'*, *'Advanced Packaging'*, *'Artificial Intelligence'* dan sebagainya. Sektor perindustrian dan pelaburan yang menjadi fokus utama adalah elektronik dan elektrik, semikonduktor, jentera dan peralatan, serta teknologi perubatan. Sebaliknya, projek yang memerlukan tenaga kerja tidak mahir dalam jumlah besar tidak lagi sesuai untuk dilaksanakan di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah proaktif dalam menarik syarikat-syarikat tempatan sektor semikonduktor untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pelaburan teknologi baharu dengan menyediakan Kawasan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC) dan Digital di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Kawasan ini menawarkan sekitar 1.0 juta kaki persegi ruang pejabat premium yang dibangunkan dalam dua fasa. Fasa pertama melibatkan pembinaan dua bangunan pejabat utama iaitu

'*GBS By The Sea*' dan '*GBS TechSpace*' dengan ruang pejabat seluas 360,000 kaki persegi. Manakala fasa kedua, yang melibatkan pembinaan '*GBS@Technoplex*', dijangka siap pada tahun 2027 dan akan menyediakan antara 400,000 hingga 500,000 kaki persegi ruang pejabat premium. Bangunan pejabat ini menyediakan ruang pejabat berkualiti tinggi serta lantai yang direka khusus dengan kapasiti beban lantai sebanyak 5 kN/m<sup>2</sup> dan kapasiti elektrik yang optimum untuk menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Selain itu Ruang Penyelidikan & Inkubasi Silikon seluas 36,000 kaki persegi di bangunan '*GBS TechSpace*' juga disediakan khusus untuk syarikat-syarikat tempatan yang terlibat dalam aktiviti IC dan R&D. Inkubasi ini diwujudkan sebagai pusat sehenti ('*one-stop-center*') yang menyediakan perkhidmatan tambah nilai seperti ruang bekerja dan kemudahan inkubasi, konsultasi, dan keupayaan penyelidikan yang boleh membantu khususnya syarikat pemula ('*startup*') yang berpotensi di dalam sektor IC dan R&D. Selain itu beberapa kemudahan dan servis tambah nilai dan peralatan sokongan seperti '*EDA (R&D licenses)*' dan ekosistem yang meluas yang menyokong perkhidmatan '*tapeout*', '*Multi-Project Wafer (MPW)*', peralatan ujian pasca-silikon ('*Automated Test Equipment (ATE)*'), dan '*bench validation equipment*' dan peralatan persediaan NPI juga di cadang untuk disediakan pada masa hadapan.

Kerajaan Negeri juga baru-baru ini telah melancarkan Skim Pakej Insentif khusus untuk para pelabur sektor IC yang menawarkan subsidi sehingga 100 peratus untuk sewa, utiliti, dan tempat letak kereta, serta penggunaan peralatan dan kemudahan bersama. Di samping itu, insentif pembangunan bakat juga menawarkan subsidi sehingga 100 peratus melalui Akademi Reka Cipta Pulau Pinang. Dengan pelbagai inisiatif dan kemudahan ini, Pulau Pinang berusaha untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pelaburan teknologi baru di samping mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi pelaburan utama dalam sektor teknologi dan inovasi.

Selain itu, perhatian juga diberikan kepada penggunaan sumber tempatan dalam rantai bekalan semasa menarik pelabur asing ke negeri ini. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan negeri untuk memperkukuhkan ekosistem pembuatan dan menggalakkan kerjasama antara pelabur asing dan syarikat tempatan. Pelabur asing digalakkan untuk mendapatkan bahan

mentah atau melaksanakan proses pembuatan mereka melalui pasaran tempatan, sekali gus menyokong pertumbuhan syarikat tempatan secara langsung. Agensi-agensi kerajaan negeri terutama InvestPenang juga turut mewujudkan platform kerjasama seperti penganjuran hari pembekal, hari padanan perniagaan, '*Venture Capital Forum*', program-program pembangunan industri bersama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Kesihatan (MOH) dan sebagainya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

20. Nyatakan kos dan status pelaksanaan projek Transit Aliran Ringan (LRT), Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua, pengembangan Lapangan Terbang Penang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dan Batu Kawan Industrial Park (BKIP) 3 seperti yang diumumkan Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Berikut merupakan status dan kos pelaksanaan projek-projek seperti berikut:

**(a) Projek Transit Aliran Ringan (LRT)**

MRT Corp sebagai agensi pelaksana bagi projek Transit Aliran Ringan (LRT), Laluan Mutiara sedang dalam proses rundingan peringkat akhir dengan SRS Consortium berkenaan kontrak *Civil Main Contractor 1* (CMC1) untuk pembinaan Fasa 1 Laluan Mutiara iaitu daripada KOMTAR ke Pulau Silikon.

Proses pewartaan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi koridor jajaran Fasa 1 telah dilaksanakan agar pihak MRT Corp dapat menjalankan kerja-kerja survei dan ukur tanah. Pihak MRT Corp kini juga sedang dalam proses mengadakan perbincangan dengan pemegang-pemegang taruh berkaitan (*stakeholders*) untuk memuktamadkan pengambilan balik tanah berdasarkan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960. Maklumat-maklumat terperinci perlu dirujuk dengan Kementerian Pengangkutan atau MRT Corp.

Kos pembinaan Laluan Mutiara dianggarkan sebanyak RM10 bilion berdasarkan pengumuman Belanjawan 2024 pada Oktober 2023 yang lalu. Kos ini akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan yang telah mengambil alih pelaksanaan projek ini sejak bulan Mac 2024 yang lalu.

**(b) Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua**

Projek Penyuraian Lalu Lintas dari Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Sungai Dua telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024. Projek ini juga telah dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 29 Oktober 2024 yang lalu oleh pihak Kementerian Kerja Raya (KKR). Garis masa pelaksanaan projek ini dijangka dimulakan pada tahun 2025 dan dijangka beroperasi pada tahun 2029 tertakluk kepada semua kelulusan wajib yang perlu dipatuhi. Kos keseluruhan projek dianggarkan berjumlah RM2.7 bilion. Jumlah sebenar akan diperincikan oleh KKR.

**(c) Pembesaran Lapangan Terbang Penang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP)**

Projek pembesaran LTAPP ini melibatkan pembesaran kapasiti lapangan terbang daripada 6.5 mppa (*million passenger per annum*) kepada 12 mppa apabila siap kelak. Anggaran kos keseluruhan bagi projek pembesaran LTAPP ini adalah sebanyak RM1.55 bilion di mana hampir keseluruhannya akan dibiayai melalui inisiatif pembiayaan swasta oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) tanpa sebarang kerjasama dengan syarikat swasta lain. Projek pembesaran LTAPP melibatkan tiga (3) pakej seperti berikut:

- (i) *Works Package 1 (WP01)* melibatkan kerja-kerja bangunan sokongan dan pembinaan Remote Digital Virtual Tower (RDVT);
- (ii) *Works Package 2 (WP02)* melibatkan kerja-kerja infrastruktur airside dan apron; dan
- (iii) *Works Package 3 (WP03)* melibatkan kerja-kerja di terminal utama.

Buat masa ini, *Letter of Award* (LOA) bagi WP01 telah dikemukakan pada bulan Julai 2024.

Kos keseluruhan projek ini dianggarkan sebanyak RM1.55 bilion.

**(d) Batu Kawan Industrial Park (BKIP) 3**

Majlis Pecah Tanah untuk Batu Kawan Industrial Park (BKIP) 3 telah diadakan pada 16 Februari 2024 yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Pihak PDC kini sedang dalam proses pelantikan kontraktor secara tender terbuka.

Sehingga kini, maklumat yang diperolehi oleh PDC adalah peruntukan RMK-12 Kerajaan Persekutuan yang diluluskan di bawah Kementerian Ekonomi untuk BKIP3 berjumlah RM35 juta.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

21. Nyatakan jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk Program Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institusi Pelajaran Tinggi (iBITA) dan bilangan penerima bagi tahun 2024 di Pulau Pinang dan KADUN Bukit Tengah.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk Program Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institusi Pelajaran Tinggi (iBITA) adalah sebanyak RM 591,300.00 manakala bilangan penerima bagi tahun 2024 di Pulau Pinang adalah seramai 741 orang. Pecahan adalah seperti di **Jadual A**.

<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Penerima Berjaya</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>
Daerah Timur Laut	138	122,600.00
Daerah Barat Daya	101	75,300.00
Daerah Seberang Perai Utara	231	182,200.00
Daerah Seberang Perai Tengah	191	148,300.00
Daerah Seberang Perai Selatan	80	62,900.00
<b>JUMLAH</b>	<b>741</b>	<b>591,300.00</b>

**Jadual A: Pecahan iBITA Mengikut Daerah Bagi Tahun 2024**

Bagi KADUN Bukit Tengah, seramai 17 orang penerima bantuan iBITA telah menerima sumbangan keseluruhan sebanyak RM13,800.00.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

22. Nyatakan punca untuk masalah tekanan air rendah di persekitaran kawasan Juru.
- (a) Apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini dalam jangka masa pendek dan panjang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kawasan Juru terletak di penghujung bekalan bagi daerah SPT. Pemantauan yang dijalankan di kawasan ini mendapati purata tekanan yang direkodkan adalah melebihi tekanan minima yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) iaitu 10mH untuk tempoh tidak kurang dari 8 jam sehari.
- (a) Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah merangka pelan jangka masa pendek dengan mempergiatkan pemeriksaan untuk kebocoran, kerosakan injap atau "*air lock*" dalam sesalur utama dan saluran paip dan menjalankan kerja "*de-airing*" jika diperlukan. Walaubagimapun, terdapat juga premis yang mempunyai tangki simpanan air yang tidak diselenggara dengan baik dan terdapat juga keadaan tangki tersebut tidak dapat digunakan untuk menyimpan air. Kerajaan Negeri bersama-sama dengan PBAPP juga telah mengambil inisiatif melalui pelan jangka masa sederhana menerusi Pelan Kontigensi Air (WCP) 2030 untuk memenuhi permintaan air penduduk Pulau Pinang menjelang tahun 2030. Berikut adalah status kemajuan terkini projek-projek di bawah WCP 2030:

<b>No.</b>	<b>Projek</b>	<b>Status</b>	<b>Kapasiti (MLD)</b>	<b>Kos Projek (RM juta)</b>
1	Bukit Panchor DAF (dissolved air flotation) WTP	Siap dan beroperasi sejak Disember 2023.	10	18.6
2	Pakej 12A Unit Proses, LRA Sg Dua	Siap ditauliahkan pada September 2024	114	31
3	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 13.0km dari LRA Sungai Dua ke Butterworth (Seberang Perai)	Dalam proses rekabentuk.		128
4	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 3.9km dari Kawasan Macallum ke Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar (Pulau Pinang)	Dalam proses rekabentuk. Dijangka diiklankan tender pada Februari 2025.		44
5	LRA Mengkuang Park	PBAPP telah mengiklankan tender untuk pembinaan LRA Mengkuang Park ini secara terbuka pada 1 November 2024.	114	120

No.	Projek	Status	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
6	LRA Sg Kerian	Dalam proses penyediaan tender untuk kerja – kerja pembinaan. Dijangka diiklan pada bulan Januari 2025	114	171
7	Skim Bekalan Air Sg Perai	Diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk rekabentuk dan pembinaan LRA.	136	500
8	LRA Sg Muda	Diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk rekabentuk dan pembinaan LRA.	114	171
<b>JUMLAH</b>				<b>1,183.6</b>

Kerajaan Negeri juga akan terus memastikan projek pemindahan air terawat dari Sungai Perak dapat dimulakan dengan segera pada tahun 2025 sebagai penyelesaian jangka masa panjang untuk memenuhi permintaan air menjelang tahun 2050.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

23. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan pantai-pantai di Seberang Perai sebagai tempat tarikan atau pusat pelancongan bagi pelancong dalam dan luar negeri.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk menjalankan pembangunan secara fizikal di kawasan pantai-pantai di Seberang Perai.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam usaha menjalankan Kajian Inventori Produk Pelancongan Seberang Perai yang telah bermula pada Oktober 2024 yang lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2025. Kajian ini merangkumi pelancongan makanan/gastronomi, pelancongan sejarah/warisan/seni/budaya, pelancongan agro, pelancongan eko, pelancongan sukan dan rekreasi, pelancongan membeli-belah dan pelancongan kesihatan sebagai tarikan pelancongan ke Seberang Perai menjelang tahun 2025.

Pada bulan Disember 2024, Majlis Bandaraya Seberang Perai akan melaksanakan Pesta Pantai di Kampung Bagan Ajam sebagai langkah mempromosikan kawasan pantai yang berpotensi sebagai salah satu produk pelancongan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

24. Apakah perancangan jangka masa panjang oleh pihak kerajaan untuk membangunkan kawasan persekitaran Kuala Juru sebagai tempat tarikan pelancongan yang boleh membantu keadaan sosioekonomi penduduk setempat?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam usaha menjalankan Kajian Inventori Produk Pelancongan Seberang Perai yang telah bermula pada Oktober 2024 yang lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2025 yang mana turut melibatkan kawasan Kuala Juru. Kajian ini merangkumi pelancongan makanan/ gastronomi, pelancongan sejarah/ warisan/ seni /budaya, pelancongan agro, pelancongan eko, pelancongan sukan dan rekreasi, pelancongan membeli-belah dan pelancongan kesihatan sebagai tarikan pelancongan ke Seberang Perai menjelang tahun 2025 yang boleh meningkatkan sosio ekonomi komuniti tempatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

25. Nyatakan secara terperinci jumlah bantuan wang dan bilangan penerima untuk Skim Dermasiswa Pengajian Zakat Pulau Pinang (ZPP) setiap tahun bagi tempoh lima tahun dari 2020 sehingga kini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Perincian jumlah bantuan wang dan bilangan penerima untuk Skim Dermasiswa Pengajian Zakat Pulau Pinang (ZPP) setiap tahun bagi tempoh lima tahun dari 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

**SKIM DERMASISWA PENGAJIAN ZAKAT PULAU PINANG (ZPP)**  
**TAHUN 2020-2024**

TAHUN / JENIS DERMASISWA	BILANGAN	JUMLAH (RM)
<b>2020</b>	<b>1,038</b>	<b>5,398,000.00</b>
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - KITAB	3	10,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - MARKAZ LUGHAH	54	162,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - PERUBATAN	49	980,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - SARJANA	22	107,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI- DIPLOMA	83	207,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI- IJAZAH	827	3,930,500.00
<b>2021</b>	<b>2,584</b>	<b>10,465,000.00</b>
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - INDONESIA	27	184,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - JORDAN	13	137,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - MESIR	178	1,358,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - MOROCCO	1	10,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - MARKAZ LUGHAH	26	78,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - PERUBATAN	51	1,002,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - PHD	25	87,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - SARJANA	77	269,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI- DIPLOMA	313	782,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI- IJAZAH	1,873	6,555,500.00
<b>2022</b>	<b>2,842</b>	<b>10,825,000.00</b>
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - INDONESIA	14	98,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - JORDAN	30	369,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - MESIR	118	599,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - MOROCCO	1	8,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - MARKAZ LUGHAH	88	435,000.00

## LAMPIRAN A

BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - PERUBATAN	33	660,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - PHD	29	101,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - SARJANA	81	283,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI- DIPLOMA	297	742,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI- IJAZAH	2,151	7,528,500.00
<b>2023</b>	<b>4,194</b>	<b>15,583,500.00</b>
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - INDONESIA	12	84,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - JORDAN	33	393,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - MESIR	191	1,248,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - MOROCCO	2	20,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - MARKAZ LUGHAH	10	60,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - PERUBATAN	29	580,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - PHD	21	73,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - SARJANA	95	332,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI- DIPLOMA	511	1,277,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI- IJAZAH	3,290	11,515,000.00
<b>2024</b>	<b>4,343</b>	<b>15,574,000.00</b>
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - INDONESIA	6	42,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - JORDAN	37	449,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - MESIR	134	870,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - MOROCCO	2	20,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - MARKAZ LUGHAH	30	180,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - PERUBATAN	14	280,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - PHD	11	38,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - SARJANA	61	213,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI- DIPLOMA	687	1,717,500.00

## LAMPIRAN A

BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI-IJAZAH	3,361	11,763,500.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>	<b>15,001</b>	<b>57,845,500.00</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

26. Nyatakan secara terperinci jumlah bantuan dan bilangan projek yang sudah selesai bagi Projek Khas Ekonomi (PKE) dan agensi lain bagi Baiki Rumah, Bina Baru dan Peralatan bagi setiap KADUN di Pulau Pinang dari Januari 2023 sehingga kini.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Sebanyak 213 orang penerima manfaat di bawah Projek Khas Ekonomi (PKE) dari Januari 2023 hingga kini yang telah selesai dengan pecahan seperti berikut:
- (a) Program Baik Pulih Rumah: 52 penerima;
  - (b) Program Bina Baru Rumah: 36 penerima; dan
  - (c) Program Bantuan Alatan: 125 penerima.

Perincian mengikut Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**JUMLAH BANTUAN DAN BILANGAN PROJEK KHAS EKONOMI (PKE) BAGI BAIKI RUMAH, BINA BARU  
& BANTUAN PERALATAN TAHUN 2023 DAN 2024 NEGERI PULAU PINANG MENGIKUT KADUN**

BIL	KADUN	BAIKI RUMAH		BINA BARU		BANTUAN PERALATAN		JUMLAH
		2023	2024	2023	2024	2023	2024	
1	PENAGA	1	-	1	-	2	-	4
2	BERTAM	1	5	-	-	5	2	13
3	PINANG TUNGGAL	3	1	-	3	6	6	19
4	PERMATANG BERANGAN	1	-	1	-	-	4	6
5	SUNGAI DUA	-	-	-	-	5	2	7
6	TELOK AIR TAWAR	1	-	-	-	6	1	8
7	SUNGAI PUYU	-	-	1	-	1	1	3
8	BAGAN DALAM	-	-	-	-	1	-	1
9	BAGAN JERMAL	-	-	-	-	1	-	1
10	SEBERANG JAYA	1	-	1	-	6	-	8
11	PERMATANG PASIR	-	-	4	-	7	1	12
12	PENANTI	-	-	1	-	5	3	9
13	BERAPIT	-	-	-	-	1	-	1
14	MACHANG BUBUK	-	2	4	-	2	1	9
15	PADANG LALANG	-	-	-	-	-	4	4
16	PERAI	-	-	-	-	-	-	0
17	BUKIT TENGAH	1	2	6	-	-	1	10
18	BUKIT TAMBUN	-	-	1	-	7	-	8
19	JAWI	-	-	1	1	2	4	8
20	SUNGAI BAKAP	1	-	-	1	8	5	15

**JUMLAH BANTUAN DAN BILANGAN PROJEK KHAS EKONOMI (PKE) BAGI BAIKI RUMAH, BINA BARU & BANTUAN PERALATAN TAHUN 2023 DAN 2024 NEGERI PULAU PINANG MENGIKUT KADUN**

BIL	KADUN	BAIKI RUMAH		BINA BARU		BANTUAN PERALATAN		JUMLAH
		2023	2024	2023	2024	2023	2024	
21	SUNGAI ACHEH	3	17	3	2	2	3	30
22	TANJONG BUNGA	-	-	-	-	-	1	1
23	AIR PUTIH	-	-	-	-	-	-	0
24	KEBUN BUNGA	-	-	-	-	-	1	1
25	PULAU TIKUS	-	-	-	-	-	-	0
26	PADANG KOTA	-	-	-	-	-	-	0
27	PENKALAN KOTA	4	-	-	-	-	-	4
28	KOMTAR	-	-	-	-	-	-	0
29	DATO KERAMAT	-	-	-	1	-	4	5
30	SUNGAI PINANG	-	-	-	-	-	-	0
31	BATU LANCANG	-	-	-	-	-	-	0
32	SERI DELIMA	1	-	-	-	4	-	5
33	AIR ITAM	-	-	-	-	-	-	0
34	PAYA TERUBONG	-	-	-	-	-	-	0
35	BATU UBAN	-	-	-	-	-	1	1
36	PANTAI JEREJAK	-	-	-	-	3	-	3
37	BATU MAUNG	-	-	-	-	-	-	0
38	BAYAN LEPAS	-	-	-	-	6	-	6
39	PULAU BETONG	2	-	1	-	-	-	3
40	TELOK BAHANG	5	-	3	-	-	-	8
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>25</b>	<b>27</b>	<b>28</b>	<b>8</b>	<b>80</b>	<b>45</b>	<b>213</b>
		<b>52</b>		<b>36</b>		<b>125</b>		

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

27. Nyatakan sasaran Kerajaan Negeri yang ditetapkan dalam pembangunan modal insan untuk menangani kekurangan tenaga kerja mahir dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) dan semikonduktor.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. *Penang Strategy for Economic Ecosystem Development 2023-2028* atau Penang SEED merupakan Pelan Tindakan Ekonomi yang mengandungi langkah-langkah jangka masa pendek (2 tahun) dan jangka masa sederhana (5 tahun). Pelan ini menekankan kepentingan bakat, infrastruktur dan pengangkutan sebagai penggerak ekosistem ekonomi yang dinamik di Pulau Pinang. Hal ini dapat membawa negeri ini ke arah sebuah ekonomi berpendapatan tinggi yang berasaskan pengetahuan. Pelan ini juga sejajar dengan Tema B Visi Penang2030 bagi memacu sektor-sektor strategik yang dikenal pasti iaitu sektor pembuatan, pelancongan, industri kreatif, perkhidmatan perniagaan dan pertanian.

Pelan ini telah mengenal pasti tinjauan permintaan kemahiran secara kerap dalam sektor pembuatan yang strategik sebagai langkah penting untuk memantau keperluan kemahiran semasa di samping memupuk kerjasama dengan kerajaan pusat dalam meningkatkan kekerapan dan penelitian pemantauan keadaan pasaran tenaga buruh tempatan. Tinjauan pertama telah diterbitkan di dalam *Penang Talent Prospects 2023* sebagai usaha bersama Penang Institute, Penang Skill Development Centre (PSDC) dan Penang STEM.

Melalui langkah-langkah ini, keperluan dan jurang kemahiran dapat dikenal pasti pada peringkat negeri secara teliti dan tepat.

Pelan ini turut mengesyorkan agar penelitian dapat dibuat terhadap program-program latihan bakat yang berkesan dan menyasarkan laluan kemahiran yang mendapat permintaan tinggi. Umpamanya, Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai inisiatif di peringkat sekolah melalui gabungan Penang STEM untuk menyokong laluan-laluan kemahiran tinggi yang diperlukan oleh sektor pembuatan tempatan. Usaha ini menggabungkan tenaga industri dan pelbagai agensi negeri supaya pelbagai inisiatif untuk mencungkil bakat-bakat sains akan terus dipergiat dan diperkasa.

Pada 8 September 2024, Kerajaan Negeri telah melancarkan Pelan Tindakan Bakat STEM Pulau Pinang bagi mengetengahkan segala perancangan jangka masa panjang dan pembangunan kemahiran untuk merealisasikan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS). Misi pelan tindakan ini adalah untuk membina tenaga kerja mahir dan mampan dalam bidang STEM bagi memenuhi permintaan industri di Pulau Pinang. Kekurangan bakat dalam sektor semikonduktor adalah *trend global* yang dihadapi oleh ekonomi besar lain yang menggandakan pelaburan dalam industri semikonduktor, termasuklah Negeri Pulau Pinang.

Oleh itu, usaha perlu dipergiat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan dalam pengumpulan bakat mahir disamping penganjuran program-program untuk menarik dan mengekalkan bakat mesti dipergiat dan diperluaskan. Sebagai contoh, penyediaan rumah mampu milik oleh Kerajaan Negeri khusus untuk pekerja mahir yang mana persekitaran gaya hidup yang menarik (*work-play-live*) perlu diterapkan dalam perancangan bandar ke arah mewujudkan suasana yang seimbang, dinamik dan menyeronokkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

28. Nyatakan sasaran kerajaan yang ditetapkan dengan penubuhan Penang GBS Industry Academy (PGIA) dan status pelaksanaan PGIA sehingga kini untuk mencapai sasaran-sasaran PGIA tersebut.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan '*Penang GBS Industry Academy*' (PGIA) dengan sasaran untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja tempatan dalam sektor '*Global Business Services*' (GBS) melalui program *upskilling* dan *reskilling*. Matlamatnya adalah untuk membangunkan serta mengekalkan bakat yang mampu memenuhi permintaan industri dan memastikan Pulau Pinang kekal kompetitif dalam menarik pelaburan GBS dan bersaing di peringkat global. PGIA bertujuan menyediakan latihan dan kemahiran yang relevan dalam bidang berkaitan industri GBS selaras dengan keperluan industri.

Sejak pelancarannya pada November 2022, PGIA telah mencapai beberapa kejayaan penting dalam melaksanakan sasaran tersebut. Pada tahun 2023, PGIA telah melatih 524 peserta melalui 23 kursus khas, manakala pada tahun 2024 (Januari hingga September), seramai 244 peserta lagi dilatih melalui 17 kursus. Hal ini menunjukkan pencapaian yang baik dalam melaksanakan program-program latihan yang disasarkan. Selain itu, PGIA juga telah menganjurkan pelbagai acara dan bengkel yang melibatkan pemain industri GBS dan ahli akademik, termasuk simposium dan siri ceramah yang memperkukuhkan kerjasama serta pertukaran pengetahuan dalam industri.

Kemajuan ini membuktikan bahawa PGIA berjaya meningkatkan kemahiran digital dan kebolehpasaran peserta, yang seterusnya menyokong pertumbuhan sektor GBS di Pulau Pinang. Maklum balas daripada syarikat-syarikat yang terlibat juga positif yang mana menyatakan bahawa tenaga kerja tempatan kini lebih bersedia dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan GBS di peringkat global.

Secara keseluruhan, PGIA telah membawa kemajuan yang signifikan dalam mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan. Dengan pelaksanaan PGIA 2.0 yang akan datang, tumpuan akan diberikan kepada kesiapan dalam Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) dan kepimpinan dalam dunia yang dipacu oleh '*Generative AI (GenAI)*' untuk memastikan tenaga kerja Pulau Pinang kekal kompetitif pada masa hadapan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

29. Nyatakan secara terperinci data perangkaan Ketua Isi Rumah (KIR) eKasih mengikut kategori miskin dan miskin tegar untuk setiap Parlimen dan DUN sepanjang tahun 2024.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Data terperinci perangkaan Ketua Isi Rumah (KIR) eKasih bagi kategori miskin dan miskin tegar mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen bagi tahun 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Data ini merupakan data terkini bertarikh 4 November 2024.

**LAMPIRAN A****STATISTIK BILANGAN KETUA ISI RUMAH (KIR) MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>DUN</b>	<b>MISKIN</b>	<b>MISKIN TEGAR</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Air Itam	260	33	293
2	Air Putih	272	42	314
3	Bagan Dalam	315	35	350
4	Bagan Jermal	327	38	365
5	Batu Lancang	154	13	167
6	Batu Maung	286	23	309
7	Batu Uban	274	14	288
8	Bayan Lepas	557	45	602
9	Berapit	152	23	175
10	Bertam	484	49	533
11	Bukit Tambun	350	47	397
12	Bukit Tengah	341	40	381
13	Datok Keramat	234	24	258
14	Jawi	524	63	587
15	Kebun Bunga	115	15	130
16	Komtar	137	14	151
17	Machang Bubuk	658	69	727
18	Padang Kota	48	4	52
19	Padang Lalang	298	41	339
20	Pantai Jerejak	154	9	163
21	Paya Terubong	400	37	437

<b>BIL.</b>	<b>DUN</b>	<b>MISKIN</b>	<b>MISKIN TEGAR</b>	<b>JUMLAH</b>
22	Penaga	1,022	113	1,135
23	Penanti	568	46	614
24	Pengkalan Kota	122	9	131
25	Perai	192	26	218
26	Permatang Berangan	1,082	94	1,176
27	Permatang Pasir	613	95	708
28	Pinang Tunggal	1,028	92	1,120
29	Pulau Betong	419	29	448
30	Pulau Tikus	68	5	73
31	Seberang Jaya	624	55	679
32	Seri Delima	149	11	160
33	Sungai Acheh	692	65	757
34	Sungai Bakap	633	61	694
35	Sungai Dua	700	68	768
36	Sungai Pinang	451	55	506
37	Sungai Puyu	386	49	435
38	Tanjong Bunga	205	9	214
39	Telok Ayer Tawar	450	39	489
40	Telok Bahang	391	42	433
<b>JUMLAH</b>		<b>16,135</b>	<b>1,641</b>	<b>17,776</b>

\*Data eKasih bertariikh 4 November 2024

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXV)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

30. Dalam usaha untuk menarik golongan belia terhadap perancangan / aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Pusat Belia di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan khususnya di KADUN Bukit Tengah?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk mewujudkan 40 buah Pusat Belia iaitu satu Pusat Belia di setiap KADUN. Pusat Belia ini adalah bertujuan untuk menyediakan satu ruang untuk komuniti belia setempat menjalankan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat. Setakat ini, sebanyak tiga (3) Pusat Belia telah dirasmikan di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) iaitu:
- (i) Pusat Belia Penanti, Taman Guar Perahu;
  - (ii) Pusat Belia Seberang Jaya, Taman Sembilang; dan
  - (iii) Pusat Belia Machang Bubuk, Taman Sejahtera.

Kerajaan Negeri akan terus komited dalam mewujudkan lebih banyak Pusat Belia bagi dijadikan tempat utama penganjuran program belia di negeri ini. Selain usaha ini, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah mengambil pendekatan proaktif dan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti dan program di Pusat-pusat Belia, tetapi melaksanakan program seperti Siri Jelajah Belia 2024.

Siri Jelajah Belia 2024 merupakan satu program bersiri di bawah inisiatif Pemerkasaan Belia Luar Bandar yang telah diperkenalkan awal tahun ini. Siri Jelajah Belia 2024 ini memfokuskan penglibatan belia luar bandar bersama komuniti dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Siri Jelajah Belia 2024 ini juga merupakan satu sesi libat urus bersama belia setempat dengan skala mikro atau sesi sembang santai di peringkat kampung dan kawasan taman perumahan. Program-program yang dijalankan adalah mengikut kesesuaian lokaliti dan minat para belia di kawasan masing-masing.

Salah satu program Siri Jelajah Belia yang dilaksanakan di Daerah SPT adalah di Padang Lalang, Bukit Mertajam iaitu Program Sembang Santai bersama Kampung Baru Alma dan disertai oleh 114 orang belia dan Program Singgah Sahur Permatang Pasir yang dihadiri oleh 100 belia kawasan sekitar.